

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(DALAM TALIAN)
SEMESTER II
SESI 2020/2021**

NAMA KURSUS : BIMBINGAN DAN KAUNSELING
KOD KURSUS : BBD 30302
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2021
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH SATU (21)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

- S1 Berikut ialah jenis perkhidmatan bimbingan di sekolah kecuali
- A. perkhidmatan kebajikan
 - B. perkhidmatan penempatan
 - C. perkhidmatan pendidikan pencegahan dadah
 - D. perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kelompok
- S2 Apakah pengertian bimbingan secara umum?
- A. Perbuatan membimbing, memberi petunjuk, huraian dan lain-lain
 - B. Suatu proses membantu individu memahami dunia dan diri mereka
 - C. Perbuatan membimbing, memberi petunjuk atau memimpin seseorang
 - D. Proses menolong, memberi arahan dan mendapat maklumat yang sesuai
- S3 Apakah prinsip bimbingan yang perlu dipatuhi oleh seseorang guru bimbingan dan kaunseling semasa mengendalikan sesi bimbingan?
- A. Cuba menyelesaikan masalah klien dengan segera
 - B. Sentiasa mengutamakan klien dalam perbincangan
 - C. Bersedia menerima klien mengikut keadaan dan situasi
 - D. Berpengetahuan menyelesaikan semua masalah klien
- S4 Kaunselor merupakan seseorang yang akan dirujuk jika murid-murid menghadapi masalah. Apakah peranan seorang kaunselor?
- A. Menolong klien dengan memberi nasihat untuk menyelesaikan masalah
 - B. Menolong klien yang bermasalah untuk keluar daripada masalah yang dihadapinya.
 - C. Menolong klien dengan memberi bimbingan dan nasihat untuk menyelesaikan masalah
 - D. Menolong klien menyelesaikan banyak masalah termasuk masalah peribadi
- S5 Manakah antara pernyataan berikut tidak tepat menerangkan guru biasa serta guru bimbingan dan kaunseling?
- A. Kedua-duanya terlibat dalam interaksi bersama murid
 - B. Kedua-duanya berperanan dalam mencapai kesejahteraan murid
 - C. Kedua-duanya berhasrat untuk mencapai kecemerlangan diri murid
 - D. Kedua-duanya mendapat latihan khusus dalam bimbingan dan kaunseling
- S6 “Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas kaunseling yang utama. Oleh itu, semasa sesuatu sesi kaunseling berlangsung, pelbagai proses perlu dilaksanakan dengan teliti supaya dapat memahami masalah klien dengan baik.” Antara berikut, manakah bukan proses tersebut?
- A. Cara disampaikan
 - B. Kekalkan tumpuan dan fahami
 - C. Konteks situasi kata-kata itu diluahkan
 - D. Pergerakan tubuh badan semasa berkata-kata

- S6 Apakah definisi kebolehpercayaan ujian dalam kaunseling?
- A Menentukan kesesuaian dan kebolehgunaan sesuatu instrumen
 - B Konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran merentasi masa terhadap sesuatu gagasan
 - C Persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur trait yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan
 - D Memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan dalam konsep yang diukur itu
- S7 “Cikgu Nafisah merupakan guru Bahasa Melayu. Beliau sangat rapat dengan pelajar-pelajarnya sehinggakan boleh menasihati mereka bila-bila masa sahaja”. Apakah bimbingan yang sesuai dengan situasi tersebut?
- A Bertindak sebagai kaunselor profesional
 - B Menjalankan aktiviti inventori dan rekod pelajar
 - C Pelajar-pelajar perlu sertai bimbingan secara sukarela
 - D Merupakan guru yang dilantik untuk menjalankan aktiviti kaunseling
- S8 Manakah antara berikut bukan merupakan masalah umum pelajar di sekolah?
- A Kerjaya
 - B Psikologi
 - C Akademik
 - D Persekitaran
- S9 Teori manakah sesuai digunakan untuk merawat masalah emosi seorang individu?
- A Teori Realiti
 - B Teori Eklektik
 - C Teori Perlakuan
 - D Teori Psikoanalisis
- S10 Perkara semalam yang berlaku tidak boleh difikirkan apabila ditanya tetapi kita boleh mengingat semula perkara yang kita lakukan semalam. Hal ini menunjukkan bahawa akal fikiran berada pada
- A alam sedar
 - B alam prasedar
 - C alam tidak sedar
 - D alam bawah sedar
- S11 Apakah kesan negatif terhadap sesebuah organisasi jikalau tidak mempunyai perkhidmatan kaunseling?
- A Sesebuah organisasi tidak akan maju
 - B Sesuatu masalah tidak akan selesai
 - C Orang di sekeliling semakin berasa bermasalah
 - D Tiada panduan untuk mengatasi masalah dalaman

- Mengendalikan fail bimbingan untuk setiap orang murid
- Bertanggungjawab mengumpul dan merekodkan butiran-butiran berkaitan dengan penilaian dan pentafsiran minat murid.
- Mengawas perangkaan dan corak kehadiran murid yang dirujuk untuk tujuan kaunseling.

Penyataan S12

S12 Jenis tugas yang dijalankan oleh unit bimbingan dan kaunseling pada **Penyataan S12** ialah tugas

- A. inventori dan rekod
- B. mengumpul dan memberi maklumat
- C. penilaian
- D. konferens dengan ibu bapa

Membantu murid memilih aktiviti kokurikulum berdasarkan kebolehan, minat kerjaya pilihan dan kemampuan mereka.

Penyataan S13

S13 **Penyataan S13** menunjukkan jenis tugas yang dijalankan oleh unit bimbingan dan kaunseling. Apakah unit yang menerangkan **Penyataan S13**?

- E. Inventori dan rekod
- F. Perkhidmatan kaunseling
- G. Perkhidmatan penempatan
- D. Mengumpul dan memberi maklumat


S14 Cikgu Masradi merupakan seorang kaunselor. Dalam sesi kaunseling, beliau sentiasa mengawal reaksi lisan dan bukan lisan kerana tindakan tersebut memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan rasa percaya klien. Apakah fasa yang sedang dilalui oleh Cikgu Masradi dalam prosedur menjalankan proses kaunseling?

- A. Menyediakan sesi
- B. Membina hubungan
- C. Penerokaan masalah
- D. Mengambil tindakan

- S15** Apakah yang dimaksudkan dengan tujuan terapi dalam Teori Psikologi individu Alfred Adler?
- A. Mengurangi minat sosial
 - B. Meningkatkan keberanian
 - C. Mendorong kemasyarakatan
 - D. Menambahkan perasaan rendah diri
- S16** Pilih kenyataan yang paling tepat berkaitan maksud kod etika kaunseling menurut Gladding, S.T. (2000).
- A. Garis panduan yang menjelaskan tanggungjawab atau peranan seseorang kaunselor terhadap klien, rakan professional, masyarakat dan terhadap organisasi dan majikan
 - B. Garis panduan ataupun lebih dikenali sebagai kod etika kaunseling diwujudkan oleh PERKAMA ataupun Persatuan Kaunseling Malaysia sebelum Akta Kaunselor 1998 diwartakan
 - C. Satu set piawaian perlakuan kaunselor dalam menjalinkan hubungan profesional dengan klien, rakan-rakan kaunselor, majikan, individu dari profesion lain serta masyarakat keseluruhannya
 - D. Satu set piawaian dan prinsip yang dibentuk bertujuan memberi panduan kepada ahli mengenai tingkah laku berinteraksi antara ahli dengan orang luar organisasi berkenaan secara keseluruhannya
- S17** Tindakan ditentukan melalui prinsip realiti iaitu pencapaian matlamat demi memenuhi tenaga libido iaitu sebagai proses sekunder dan dipenuhi dengan cara yang sesuai dengan tuntutan masyarakat sekitarnya. Apakah peringkat struktur personaliti yang dimaksudkan oleh pernyataan tersebut?
- A. Id
 - B. Ego
 - C. Praego
 - D. Superego
- S18** Berikut ialah empat prinsip etika kaunselor kecuali
- A. kemurahan hati
 - B. autonomi
 - C. sopan santun
 - D. kejujuran
- S19** Manakah antara berikut bukan merupakan ciri kaunseling di sekolah?
- A. Krisis
 - B. Pembetulan
 - C. Pencegahan
 - D. Perkembangan

- S20** “Saya keliru untuk memilih haluan hidup saya selepas ini cikgu. Perlukah saya sambung belajar di universiti atau bekerja? Boleh cikgu bantu saya?” Tanya Shafiq sewaktu berjumpa guru kaunselor kolej vokasionalnya. Apakah sifat yang paling tepat perlu ditunjukkan oleh kaunselor tersebut ketika ini?
- A. Ketepatan
 - B. Ketulenan
 - C. Tidak menghukum
 - D. Penerimaan dan kemesraan
- S21** Definisi inventori ialah
- A. laporan berdasarkan pemerhatian terhadap sesuatu kajian atau peristiwa oleh kaunselor
 - B. usaha guru bimbingan dan kaunseling untuk menganalisis dan menggunakan pelbagai jenis serta sosial yang diperoleh daripada pelbagai jenis inventori
 - C. pengumpulan maklumat mengenai kanak-kanak secara keseluruhan dan klien secara spesifik
 - D. sistem fail sebagai indikator perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sistematik dan berkesan
- S22** Berikut merupakan langkah-langkah untuk mengekalkan akauntabiliti guru terhadap profesionnya kecuali
- A. menjalin hubungan yang baik dengan rakan sejawat
 - B. melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuh hati
 - C. mematuhi semua peraturan yang dikuatkuasakan
 - D. meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan profesion
- S23** Kaunselor berusaha menunjukkan bahawa cara berfikir klien harus logik. Kemudian, membantu klien sehingga mencapai objektifnya. Keadaan ini menunjukkan pola hubungan antara pemikiran logik dan perasaan tidak bahagia atau gangguan emosi yang dialaminya. Pernyataan ini merujuk kepada
- A. langkah ABC
 - B. langkah RET
 - C. langkah WDEP
 - D. langkah SOLER
- S24** Manakah antara berikut bukan aspek utama Terapi Rasional Emotif (RET)?
- A. Kognitif
 - B. Emosi
 - C. Membuat refleksi
 - D. Tingkah laku

- S25** Pilih kenyataan yang bukan merupakan kod etika dalam perhubungan kaunseling yang terdapat pada Persetuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA).
- A. Ahli mestilah menyedari keperluan dan hak klien untuk memilih mengikut gerak hati masing-masing
 - B. Tanggungjawab utama ahli ialah menghormati kesepaduan dan memelihara kebajikan klien.
 - C. Ahli-ahli boleh memilih untuk berunding dengan profesional lain yang berkelayakan mengenai seseorang klien.
 - D. Memberi sumbangan dalam meninggikan kehidupan moral kebudayaan dan cendekiawan masyarakat.
- S26** Dalam sesi kaunseling, bilakah kaedah konsfrantasi digunakan?
- A. Apabila klien tidak mahu memberi kerjasama
 - B. Apabila terdapat unsur penipuan
 - C. Apabila terdapat percanggahan maklumat daripada klien
 - D. Apabila klien tidak hadir ke sesi kaunseling yang telah dijadualkan
- S27** Apakah kriteria kaunseling perkembangan?
- A. Dijalankan kepada pelajar yang berisiko
 - B. Dijalankan ke atas kes yang memerlukan perhatian
 - C. Dijalankan untuk mendedahkan bahaya kepada masyarakat
 - D. Dijalankan untuk mengadakan program pembangunan pelajar
- S28** "Kebebasan berfikir kepada klien, fokus kepada kesempurnaan diri dalam membina tingkah lakunya dan mementingkan emosi daripada unsur-unsur intelektualisme dalam hubungan kaunseling." Apakah teori yang sesuai untuk menggambarkan pernyataan tersebut?
- A. Permusatan Persorangan
 - B. Kognitif
 - C. Behavioris
 - D. Rasional Emotif
- S29** Pembimbing boleh memandang klien secara tepat atau dengan sudut kecil dari kedudukannya. Tingkah laku ini mencerminkan penglibatan aktif pembimbing dengan mesej "Saya bersama dengan anda sekarang ini". Egan (1988) telah memberi akronim SOLER sebagai singkatan kepada kemahiran komunikasi bukan lisan yang penting sebagai peringatan kepada pembimbing/kaunselor. Huruf manakah yang sesuai dengan pernyataan tersebut?
- A. S – Squarely
 - B. O – Open posture
 - C. L – Lean forward
 - D. E – eye contact



Rajah S30

- S30** Rajah S30 menunjukkan lima langkah dalam penerimaan dan kemesraan yang diperlukan oleh seorang kaunselor. Apakah tindakan paling sesuai pada Langkah 2?
- Memahami klien
 - Menerima klien tanpa syarat
 - Menunjukkan sikap yang mesra
 - Menerima klien dengan penuh kerelaan
- S31** Manakah antara berikut padanan yang salah berkenaan bimbingan dan kaunseling?

| Aspek | Bimbingan | Kaunselor |
|----------------|-------------------------------------|--------------------------|
| A. Profesional | Tidak bertauliah | Bertauliah |
| B. Tempat | Tiada tempat khusus | Tempat khusus |
| C. Masa | Masa yang telah ditetapkan | Bila-bila masa |
| D. Sasaran | Individu, kelompok besar atau kecil | Individu, kelompok kecil |

- S32** Peristiwa atau suasana sebelum perlakuan negatif ditunjukkan merupakan rantaian ABC bagi masalah perlakuan. Penjelasan ini merujuk kepada huruf
- A - Antecedent
 - B - Behaviour
 - C - Consequence
 - C - Consentency

TERBUKA

- S33** Apakah langkah yang sepatutnya dilakukan oleh kaunselor sebelum memulakan sesi kaunseling?
- A. Mengkaji deskripsi tugas klien
 - B. Menghebahkan masalah klien
 - C. Mengenal pasti latar belakang klien
 - D. Mengadakan sesi kaunseling pada masa dan tempat yang bersesuaian

- Memahami bahawa pendidikan sebagai persiapan dalam hidup
- Semua pelajar mendapat peluang yang sama untuk mengembangkan potensi diri
- Mengembangkan pemahaman terhadap diri sendiri dan perkembangan sosial peribadi

Penyataan S34

- S34** **Penyataan S34** merujuk kepada prinsip
- A. bimbingan kerjaya
 - B. bimbingan pelajaran
 - C. bimbingan pencegahan dadah
 - D. bimbingan peribadi dan sosial
- S35** Semasa sesi kaunseling, kaunselor akan cuba memberikan penekanan pada ‘di sini’ dan pada ‘ketika ini’ dan elakkan memberi penumpuan kepada peristiwa-peristiwa yang lampau serta perasaan-perasaan yang tidak baik. Apakah teknik yang dijelaskan oleh pernyataan tersebut?
- A. Kelucuan
 - B. Konfrantasi
 - C. Keterlibatan
 - D. Main peranan
- S36** Mengingat kembali masa lalu dengan mempelajari masa lalu kanak-kanak. Pernyataan tersebut merujuk kepada
- A. tujuan terapi
 - B. teknik terapi
 - C. prinsip terapi
 - D. kaedah terapi
- S37** Konsep X menyatakan bahawa kaunselor perlu menjaga batasan dalam perhubungan, tidak cuai serta sentiasa mengekalkan rasa hormatnya kepada klien di samping mengelak daripada melakukan sesuatu untuk kepentingan diri. Antara berikut, manakah konsep X?
- A. *Fidelity*
 - B. *Autonomi*
 - C. *Beneficence*
 - D. *Nonmaleficence*

- S38** Teori ini diasaskan oleh William Glasser (1966). Teori ini merupakan cabang teori kognitif. Selain itu, teori ini menegaskan manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan serta bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut dan berorientasikan tingkah laku secara menyeluruh yang melibatkan *componen doing, thinking, feeling* dan *physiology*. Teori ini ialah
- A Teori Realiti
 - B Teori Perlakuan
 - C Teori Psikologi
 - D Teori Psikoanalisis
- S39** Kemahiran ini merupakan kemahiran paling asas dan penting dalam kaunseling. Kemahiran ini juga berkait rapat dengan memberi perhatian. Berdasarkan kenyataan tersebut, apakah kemahiran yang dimaksudkan?
- A Kemahiran menyual
 - B Kemahiran mendengar
 - C Kemahiran merasai (empati)
 - D Kemahiran membuat refleksi
- S40** “Sepanjang perbincangan kita, dapat dinyatakan di sini bahawa kamu mempunyai dua masalah iaitu masalah dengan ibu bapa dan masalah pelajaran. Antara kedua-dua masalah ini, masalah mana yang paling mengganggu diri kamu”? Tanya Cikgu Samsiah kepada Rahimin. Apakah tujuan Cikgu Samsiah bertanyakan soalan itu kepada pelajar tersebut?
- A. Meneroka masalah
 - B. Membina hubungan
 - C. Membincang alternatif
 - D. Mengenal pasti punca masalah
- S41** “Sofea sedang meneliti dan menilai kaunselor yang berada di hadapannya sama ada benar-benar boleh dipercayai atau mendengar apa yang diperkatakan atau sekadar berpura-pura.”
Dalam prosedur kaunseling, apakah prosedur yang sedang Sofea lalui?
- A Menyediakan sesi
 - B Membina hubungan
 - C Meneroka masalah
 - D Mengenal pasti masalah

TERBUKA

- S42** “Kaunselor sedang menjalankan sesi kaunseling dengan seorang pelajar tetapi kaunselor tersebut bercakap dengan nada yang tidak jelas dan selalu menggunakan bahasa kiasan hingga sukar difahami oleh klien”.
Situasi ini menunjukkan bahawa kaunselor tersebut tidak menunjukkan sifat
- A menerima dan kemesraan
 - B tidak menghukum
 - C ketulenan
 - D ketepatan
- S43** Kemahiran ini dijalankan untuk menyatakan kembali mesej klien dan membuktikan bahawa kaunselor sedang meneroka alam klien sebagaimana klien melihat dirinya.
Kemahiran yang dimaksudkan ini ialah
- A kemahiran mendengar
 - B kemahiran merasai (empati)
 - C kemahiran membuat refleksi
 - D kemahiran membuat parafrasa
- S44** Apakah ciri yang paling tepat untuk bimbingan di sekolah?
- A. Usaha memupuk sikap positif dalam kalangan pelajar
 - B. Perkembangan peribadi dan sosial, akademik dan kerjaya
 - C. Dijalankan ke atas pelajar yang mempunyai masalah disiplin
 - D. Klien terdiri daripada tiga kategori iaitu dijemput, dirujuk dan sukarela
- S45** Apakah tujuan seorang kaunselor meneroka masalah klien?
- A. Agar dapat menggalakkan klien terus bercakap
 - B. Mendorong kaunselor dan klien memahami isu yang dibincangkan
 - C. Agar kaunselor dan klien dapat memahami permasalahan dengan betul
 - D. Mengumpul sebanyak mungkin maklumat berkaitan permasalahan klien
- S46** Antara berikut, manakah penyelesaian masalah kerjaya pelajar yang paling sesuai?
- A. Kem jati diri
 - B. Kursus motivasi
 - C. Lawatan sambil belajar
 - D. Pembimbing Rakan Sebaya
- S47** Manakah antara berikut bukan merupakan akauntabiliti seorang guru bimbingan dan kaunseling terhadap profesionnya?
- A. Mematuhi semua peraturan yang dikuatkuasakan
 - B. Melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuh hati
 - C. Menjalin hubungan yang mesra dengan rakan sejawat
 - D. Meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan profesion

TERBUKA

- S48** Antara berikut, manakah bukan tugas unit bimbingan dan kaunseling di sekolah?
- A. Inventori dan rekod
 - B. Perkhidmatan sosial
 - C. Perkhidmatan penilaian
 - D. Perkhidmatan penempatan
- S49** Siapakah pengasas Teori Terapi Rasional Emotif (RET)?
- A. Skinner
 - B. Albert Ellis
 - C. Ivan Pavlov
 - D. Hans Eysenck
- S50** Seseorang individu berupaya memahami implikasi dan akibat daripada pilihan yang dibuat. Antara berikut, konsep manakah dirujuk oleh kenyataan ini?
- A. *Fidelity*
 - B. Autonomi
 - C. *Beneficence*
 - D. *Nonmaleficence*
- S51** Antara berikut, manakah bukan domain umum yang bersifat perkembangan dalam perkhidmatan bimbingan di sekolah?
- A. Perkembangan emosi
 - B. Perkembangan kerjaya
 - C. Perkembangan akademik
 - D. Perkembangan peribadi dan sosial
- S52** Dalam konteks bimbingan dan kaunseling di sekolah, apakah tujuan bimbingan kerjaya?
- A. Peserta dapat memastikan diri ditempatkan dalam bidang pekerjaan pada masa hadapan tanpa gagal
 - B. Peserta dapat mengetahui dan merancang tempat untuk melanjutkan pelajaran pada masa akan datang
 - C. Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri mereka dan dapat mengidentifikasikan bidang pelajaran
 - D. Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri, mengidentifikasikan bidang pelajaran dan kerjaya yang sesuai dengan dirinya
- S53** Berapakah langkah yang perlu diambil dalam membincangkan alternatif kepada penyelesaian sesuatu masalah?
- A. Tiga
 - B. Empat
 - C. Lima
 - D. Enam

- S54** Sekiranya terdapat kegagalan, klien perlu menyemak semula pelan tindakan dan membina pelan tindakan yang lebih baik. Manakah prosedur paling tepat menerangkan situasi tersebut?
- A. Meneroka masalah
 - B. Mengambil tindakan
 - C. Membincangkan pilihan
 - D. Mengenal pasti punca masalah
- S55** Ekslektikisme merupakan suatu teori memiliki keterbatasan konsep, prosedur dan teknik. Antara berikut, manakah matlamat Teori Eklektik?
- I Membantu klien menghindari alasan-
 - II Meningkatkan keberanian dan nilai diri
 - III Membantu klien membina matlamat hidup yang realiti
 - IV Mendidik klien mengambil tanggungjawab terhadap diri
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S56** Proses penamatan sesi dibahagikan kepada dua, iaitu
- I. penamatan sesi putusan
 - II. penamatan sesi sementara
 - III. penamatan sesi untuk keseluruhan
 - IV. penamatan sesi untuk sesi lanjutan
- A. I, dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. III dan IV sahaja
- S57** Ciri - ciri dalam bimbingan terdiri daripada
- I taksiran
 - II inventori
 - III pemulihan
 - IV pencegahan
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. II dan IV sahaja



TERBUKA

- S58** Pilih pernyataan yang benar mengenai tugas ketua bimbingan dan kaunseling bagi kategori inventori individu.
- I Mengendalikan fail bimbingan untuk setiap pelajar
 - II Menyelaras, menjaga dan mengemaskini rekod pelajar
 - III Menyelaras dan mengemas kini fail maklumat salah laku pelajar
 - IV Membuat tafsiran atau menjalankan kaji selidik yang difikirkan perlu
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S59** “Kesahan bermaksud kebolehan ujian mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan merujuk kepada kesesuaian dan kekuatan interpretasi markat ujian dan lain-lain keputusan penilaian dengan merujuk kepada kegunaan tertentu alat ukur tersebut (Fraenkel & Wallen, 1996).”
Berdasarkan kenyataan tersebut, apakah jenis kesahan yang betul?
- I Kesahan isi
 - II Kesahan muka
 - III Kesahan gagasan
 - IV Kesahan maklumat
- A. II dan IV sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
- S60** Dalam Teori Gestalt, teknik ini merupakan strategi membawa keluar konflik dalaman melalui suatu proses sebenar yang melibatkan setiap aspek termasuk pergerakan tubuh badan. Antara berikut, manakah teknik yang dimaksudkan?
- I *Rehearsal*
 - II *Empty chair*
 - III *Dream work*
 - IV *Exaggeration*
- A. I dan III sahaja
B. I dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

- S61** Proses terapi berasaskan konsep WDEP digunakan oleh kaunselor untuk menolong klien dalam prosedur menuju ke arah perubahan. Antara berikut, manakah merupakan konsep WDEP?
- I Menjalankan penilaian sendiri
 - II Perbincangan dan melaksanakan tindakan
 - III Meneroka kehendak, keperluan dan persepsi
 - IV Melihat tingkah laku dan arah tujuan tindakan
- A. I, II dan III sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S62** Berikut merupakan elemen kepentingan kebolehpercayaan ujian dalam kaunseling, iaitu
- I menghasilkan ujian yang stabil
 - II menggalakkan kecerdasan pelajar
 - III markah diberi berdasarkan pencapaian
 - IV dapat menilai kemahiran, pengetahuan dan sikap pelajar
- A. I, II dan III sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S63** Nyatakan tiga kategori klien kaunseling kelompok atau individu dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah.
- I Dirujuk
 - II Dipaksa
 - III Sukarela
 - IV Dijemput
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. I, III dan IV sahaja

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" in bold, capital letters, slightly tilted.

- S64** Proses kaunseling berdasarkan Teori Realiti adalah seperti berikut, iaitu
- I menilai alternatif
 - II fokus kepada masa sekarang
 - III tidak menerima sebarang alasan
 - IV fokus kepada tingkah laku semasa
- A. I dan II sahaja
B. I dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, III dan IV sahaja
- S65** Manakah antara berikut merupakan perwatakan seorang kaunselor?
- I Memahami keunikan setiap klien
 - II Mempunyai kemahiran mendengar yang tepat
 - III Sedia menolong, memahami, mesra dan ikhlas membantu
 - IV Memberi galakan klien berubah daripada adaptif kepada maladaptif
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S66** Antara berikut, pilih faktor yang mempengaruhi kebolehpercayaan sesuatu ujian.
- I Jangka masa ujian
 - II Bilangan item yang diuji
 - III Format ujian dan pentadbiran ujian
 - IV Pemeriksa dan pemeriksaan
- A. I dan II sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

TERBUKA

- S67** Antara berikut, manakah merupakan perkara utama dalam kod tatalaku yang perlu dipatuhi oleh kaunselor seperti yang telah digariskan oleh Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA)?
- I Menjaga tatalakunya demi memelihara piawai dan identiti sebagai kaunselor
 - II Sentiasa berusaha menilai dan meningkatkan pengetahuan dalam bidangnya
 - III Menjalankan tugasnya dengan penuh rasa tanggungjawab, objektif dan jujur
 - IV Tugasnya mestilah sentiasa diawasi dan dinilai oleh Lembaga Pengurus Sekolah
- A. I, II dan III sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S68** Berikut merupakan kesan penyalahgunaan dadah dalam kehidupan seharian seseorang pelajar.
- I Pelajar semakin fokus dalam pelajaran
 - II Pelajar bergiat aktif dalam bidang sukan
 - III Meningkatkan kadar metabolisme badan pelajar
 - IV Pelajar tidak gelisah dalam menghadapi masalah
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S69** Apakah tujuan utama ujian personaliti dilaksanakan ke atas seseorang individu?
- I. Mengetahui potensi diri
 - II. Mengetahui keupayaan diri
 - III. Mengetahui minat seseorang
 - IV. Mengetahui tahap kemahiran
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" written in bold, uppercase letters. The stamp is slightly tilted and has a distressed, ink-like appearance.

- S70** Pilih tujuan bimbingan belajar yang sesuai.
- I. Memahami nilai-nilai yang ada dalam dirinya dan masyarakat di sekitarnya
 - II. Membangunkan disiplin belajar dan terlatih, sama ada secara sendiri mahupun kelompok
 - III. Mengembangkan pemahaman dan pemanfaatan kondisi sosial serta budaya di lingkungan sekolah
 - IV. Perkembangan sikap yang baik terutama dalam mengerjakan tugas untuk mengembangkan ketrampilan
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S71** Individu merupakan konfigurasi unik dari segi motif, sikap dan nilai. Setiap tindakan membawa kepada corak gaya hidup. Manakah antara berikut bertepatan dengan kenyataan tersebut?
- I Keperibadian yang konsisten.
 - II Gaya hidup yang dibentuk oleh daya kreatif manusia.
 - III Aktiviti dilihat dari sudut pandangan minat dan sosial.
 - IV Keperibadian berkeyakinan menjadi gaya hidup seseorang.
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S72** Antara berikut manakah merupakan konsep bimbingan dan kaunseling dari perspektif barat?
- I Klien diberi peluang untuk meneroka diri mereka
 - II Kaunselor membuat keputusan dan memberi pandangan
 - III Bertumpu kepada perubahan tingkah laku klien ke arah rasional
 - IV Kebolehan kaunselor semata-mata dalam menangani permasalahan klien
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

TERBUKA

- S73** Apakah elemen penting dalam penilaian?
- I Norma
 - II Kesahan
 - III Kestabilan
 - IV Kebolehpercayaan
- A. I dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S74** Manakah antara berikut merupakan peranan bimbingan peribadi dan sosial?
- I Memiliki kesedaran diri
 - II Menyelesaikan konflik rakan
 - III Mengembangkan sikap positif
 - IV Membuat keputusan pilihan kerjaya dengan efektif
- A. I dan III sahaja
B. I dan IV sahaja
C. II dan III sahaja
D. II dan IV sahaja
- S75** Manakah antara berikut merupakan tujuan parafrasa dalam sesi kaunseling?
- I Membuat penilaian
 - II Menyemak persepsi
 - III Meminta penjelasan
 - IV Memberikan galakan
- A. I dan II sahaja
B. I, dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, III dan IV sahaja
- S76** Matlamat pendekatan Teori Psikoanalisis adalah bertujuan untuk
- I membuat perubahan perwatakan
 - II membentuk peringkat kefahaman sendiri
 - III mengubah suai struktur perwatakan individu
 - IV mengubah perkara yang tidak sedar kepada sedar
- A. I dan II sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

TERBUKA

S77 Seseorang kaunselor perlu menguasai pelbagai kemahiran supaya dapat membantu klien menyelesaikan masalah. Antaranya ialah memahami orang lain melalui sendiri seseorang itu. Antara berikut, kenyataan manakah merujuk kepada kemahiran tersebut?

- I Menyatakan perasaan seseorang yang terselindung
- II Menjelaskan emosi bercelaru yang melanda seseorang
- III Memberi maklumat spesifik berkenaan emosi seseorang
- IV Menunjukkan kaunselor memahami apa yang diperkatakan

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, III dan IV sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

S78 Antara berikut, manakah merupakan etika kaunseling di Malaysia oleh Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA)?

- I Kaunselor dituntut supaya bertanggungjawab mengutamakan kepentingan klien individu
- II Kaunselor dituntut supaya bertanggungjawab mengutamakan kepentingan klien organisasi
- III Kaunselor perlu menyembunyikan perkara tertentu untuk menjaga emosi dan perasaan klien
- IV Kaunselor boleh menerima perasaan cinta klien jika perkara itu dapat menyelesaikan masalah klien

- A. I dan II sahaja
- B. I dan III sahaja
- C. I, II dan III sahaja
- D. I, II, III dan IV

S79 Pelaksanaan ujian perlu menepati pelbagai faktor seperti faktor dalaman dan luaran kesahan. Antara berikut, manakah bukan faktor dalaman kesahan?

- I Pentadbiran ujian
- II Kekurangan masa
- III Arahan tidak jelas
- IV Penggubalan soalan

- A. I dan II sahaja
- B. I dan III sahaja
- C. I dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

TERBUKA

- S80** Terdapat beberapa tujuan penggunaan ujian psikologikal dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Pilih tujuan yang benar berdasarkan pernyataan berikut.
- I Menolong klien membina keyakinan pada konsep sendiri
 - II Menolong klien membuat keputusan dalam masa-masa yang terdesak
 - III Membantu klien memilih bidang pengajian dan pekerjaan yang sesuai
 - IV Meningkatkan lagi pencapaian akademik klien dari semasa ke semasa
-
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA